

Sila pilih bahasa anda : English / Bahasa

1. Apakah iBiz Muamalat Baharu?

iBiz Muamalat Baharu ialah platform Perbankan Internet dan Mudah Alih Korporat yang telah dipertingkatkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad. Ia menawarkan fungsi yang lebih baik, keselamatan yang lebih kukuh, dan keupayaan pembayaran yang lebih luas yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan perbankan perniagaan moden.

2. Mengapakah Perbankan Internet Korporat Bank Muamalat berpindah ke platform iBiz Muamalat Baharu?

Migrasi ini merupakan sebahagian daripada peningkatan digital untuk menyediakan:

- Pengalaman yang lebih mudah dan mesra pengguna
- Keselamatan dan pematuhan yang dipertingkatkan
- Perkhidmatan pembayaran yang lebih luas
- Akses perbankan mudah alih
- Kawalan dan ciri audit yang lebih baik
- Pengurusan pelbagai syarikat dan pengguna
- Integrasi bersedia untuk ciri-ciri masa hadapan

3. Bilakah proses migrasi akan bermula?

Proses migrasi akan bermula secara berperingkat mulai November 2025. Pelanggan akan dimaklumkan lebih awal melalui e-mel berdaftar atau alamat perniagaan yang didaftarkan. Sebaik sahaja migrasi berkuat kuasa, pelanggan akan menerima SMS Pengaktifan Kali Pertama untuk mengaktifkan akses iBiz Muamalat Baharu mereka.

4. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak menerima, kehilangan atau terlupa e-PIN (e-mel atau SMS) First Time Activation semasa migrasi?

Sekiranya e-PIN Pengaktifan Kali Pertama (e-mel atau SMS) tidak diterima, hilang atau terlupa semasa proses migrasi, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan di +603-2600 5500 atau e-mel kepada ibiz@muamalat.com.my untuk mendapatkan bantuan bagi memohon e-PIN Pengaktifan Kali Pertama yang baharu.

5. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya alamat e-mel berdaftar atau nombor telefon bimbit saya belum dikemas kini?

Sekiranya alamat e-mel berdaftar atau nombor telefon bimbit anda belum dikemas kini, sila lengkapkan Borang Penyelenggaraan iBiz (iBiz Maintenance Form) untuk mengemas kini maklumat anda. Borang tersebut boleh dimuat turun melalui pautan berikut:

<https://www.muamalat.com.my/downloads/consumer-banking/ibiz/iBiz-Maintenance-Form.pdf>

Setelah lengkap diisi, sila serahkan borang tersebut kepada cawangan Bank Muamalat yang terdekat. Permohonan kemas kini akan diproses dalam tempoh kira-kira tiga (3) hari bekerja

6. Apakah yang akan berlaku kepada platform iBiz Muamalat yang sedia ada?

Platform iBiz Muamalat sedia ada akan dihentikan selepas 31 Ogos 2026. Pelanggan digalakkan untuk bermigrasi sebelum tarikh tersebut bagi mengelakkan gangguan perkhidmatan.

7. Adakah migrasi ini akan menjejaskan perjanjian perbankan sedia ada saya?

Tidak. Proses migrasi tidak akan mengubah perjanjian perbankan sedia ada atau terma dan syarat dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

8. Bagaimanakah saya akan mengetahui apabila tiba giliran saya untuk migrasi?

Anda akan menerima komunikasi rasmi daripada Bank Muamalat yang mengandungi maklumat berkaitan migrasi anda.

9. Bolehkah saya meminta untuk migrasi lebih awal?

Ya. Sekiranya anda ingin migrasi atau mengemas kini profil syarikat/pengguna anda sebelum tarikh yang dijadualkan, sila serahkan surat permohonan migrasi ke cawangan Bank Muamalat yang berdekatan. Contoh surat permohonan migrasi boleh dimuat turun daripada pautan ini:
<https://www.muamalat.com.my/downloads/consumer-banking/ibiz/Sample-of-Migration-Request-Letter.docx>

10. Adakah saya masih boleh menggunakan iBiz Muamalat lama selepas berjaya melakukan migrasi ke iBiz Muamalat baharu?

Ya. Anda masih boleh menggunakan iBiz Muamalat lama sehingga tiga (3) bulan dari tarikh migrasi untuk memuat turun penyata bank dan maklumat berkaitan daripada platform lama sebelum menggunakan iBiz Muamalat baharu sepenuhnya.

11. Apakah ciri-ciri utama iBiz Muamalat baharu?

Ciri-ciri utamanya adalah seperti berikut:

☒ **Pengalaman Pengguna yang Dipertingkatkan**

- Gambaran keseluruhan baki dan transaksi di papan pemuka (dashboard).
- Pintasan dan templat yang diperibadikan
- Akses kepada Bank Muamalat Economist Macro Insight
- Paparan Kadar FX & Kadar yang Telah Ditempah (Booked Rates)

 Keselamatan & Pematuhan yang Lebih Kukuh

- Pautan peranti (device binding) dan pengesahan adaptif
- Pengesahan dwi-tahap (dual authorization) dengan hak kelayakan pengguna yang terperinci
- Kod QR Cronto eToken / Pengesahan Mudah Alih

 Perkhidmatan Pembayaran yang Lebih Luas

- DuitNow, JomPAY, RENTAS, IBG, LHDN, KWSP, SOCSO, EIS
- Penempatan/Pengeluaran Akaun Tempoh Tetap (Fixed Term Account)
- Pemindahan Dana Antarabangsa dengan muat naik dokumen
- Pembayaran Gaji dan Pembayaran Pukal (Bulk Payments)
- Perkhidmatan Kad Kredit Perniagaan

 Perbankan Mudah Alih untuk Perniagaan

- Aplikasi Mudah Alih iBiz (Android/iOS)
- Kelulusan pembayaran yang selamat di mana-mana sahaja
- Notifikasi masa nyata (real-time)

 Kawalan & Audit yang Lebih Baik

- Jejak audit penuh (full audit trail) dan kawalan dwi-tahap

- Matriks kelulusan berasaskan had (limit-based approval)
- Laporan yang boleh dieksport dalam format Excel, CSV, dan txt

Keupayaan Pelbagai Syarikat & Pelbagai Pengguna

- Urus pelbagai entiti di bawah satu log masuk
- Tetapkan peranan, hak akses, dan had transaksi
- Penukaran syarikat yang lancar

Platform Bersedia untuk Masa Hadapan

- Dibina untuk peningkatan masa hadapan seperti integrasi API, DuitNow Autodebit & Consent, dan lain-lain.

12. Apakah perbezaan antara iBiz Muamalat lama dan iBiz Muamalat baharu?

Perbezaan antara iBiz Muamalat lama dan iBiz Muamalat baharu adalah seperti berikut:

	iBiz Muamalat Lama	iBiz Muamalat Baharu
URL	https://ibiz.muamalat.com.my/	https://www.ibizmuamalat.com.my/
Pengurusan Akaun		
Current Account-i Inquiry	✓	✓
Foreign Currency Account-i Inquiry	✗	✓
Fixed Term Account-i Inquiry	✓	✓
Financing / Revolving Financing Inquiry	✓	✓

	iBiz Muamalat Lama	iBiz Muamalat Baharu
Third Party/Other Bank Account	✗	✓
Pembayaran		
Instant/DuitNow Transfer (Pay to Account/Proxy)	✓	✓
Intrabank Transfer (BMMB)	✓	✓
Interbank GIRO (IBG)	✓	✓
RENTAS	✓	✓
JomPAY	✓	✓
Bulk Payment & Payroll	✓	✓
Bulk DuitNow	✗	✓
Multiple JomPAY	✗	✓
DuitNow Online Banking/Wallet	✗	✓
FPX	✓	✓
Bayaran Berkanun		
KWSP	✗	✓
SOSCO (Contribution & EIS)	✗	✓

Soalan Lazim (FAQ)

Migrasi ke iBiz Muamalat Baharu

	iBiz Muamalat Lama	iBiz Muamalat Baharu
LHDN	✗	✓
Keupayaan Pembayaran		
Host-to-Host (SFTP Payment)	✓	✓
Payroll Masking	✗	✓
Standing Instruction (SI)	✓	✓
Favorite Account Maintenance	melalui System Administrator & System Authorizer	melalui Payment Maker & Payment Authorizer
Payment Template	✗	✓
Debit & Credit Advice	✗	✓
Kelulusan Laporan		
Number of Transaction per approval	10	Tiada Had
Daily & Monthly Statement	✓	✓
All-in-One Authorization	✗	✓
Advanced Authorization Setup	✗	✓
Analytic Report	✗	✓
Customized Reconciliation	✗	✓

	iBiz Muamalat Lama	iBiz Muamalat Baharu
Report		
SWIFT MT940	✗	✓
Pelaburan		
FTA Placement	✗	✓
FTA Withdrawal	✗	✓
Perbendaharaan		
FX Rate Inquiry	✗	✓
Contract Rate Inquiry	✗	✓
Pemindahan Luar Negara		
Cross Border Fund Transfer (SWIFT)	✗	✓
Cross Border Fund Transfer (VISA B2B)	✓	Akan Datang
Bulk CBFT (SWIFT & VISA Connect B2B)	✗	Akan Datang
Keselamatan		
Security Phrase	✗	✓
2-FA Login	✗	✓
2-FA Authorization	✓	✓

	iBiz Muamalat Lama	iBiz Muamalat Baharu
Token		
Physical Token	✓	✓
eToken	✗	✓
Kad Korporat		
Card Inquiry	✗	✓
Card Activation	✗	✓
Card Maintenance	✗	✓
Change PIN	✗	✗
Card E-Statement	✗	✓
Payment & Report	✗	✓
Aplikasi Mudah Alih		
Mobile App (Android & iOS)	✗	✓

13. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan bantuan mengenai migrasi?

Jika anda memerlukan bantuan mengenai migrasi:

- Layari Laman Web Korporat kami, pautan Migrasi ke iBiz Muamalat yang Baharu:

<https://www.muamalat.com.my/services/business/migration-to-the-new-ibiz-muamalat/>

- Hubungi Khidmat Pelanggan di talian +603-2600 5500

- Hubungi Pengurus Perhubungan (Relationship Manager) anda

14. Adakah profil dan data pembayaran sedia ada saya akan dipindahkan secara automatik?

Ya, profil dan maklumat pembayaran sedia ada anda akan dipindahkan secara automatik ke sistem iBiz Muamalat yang baharu.

15. Adakah terdapat perubahan pada proses pembayaran saya (pembekal, gaji, pembayaran berkanun)?

Tiada sebarang perubahan pada proses pembayaran pembekal, pembayaran gaji dan pembayaran berkanun kerana New iBiz Muamalat menggunakan format fail pembayaran yang sama.

16. Adakah nombor akaun saya akan berubah?

Tidak. Nombor akaun semasa anda kekal sama. Walau bagaimanapun, nombor ID syarikat untuk log masuk ke sistem baharu akan berubah. Anda akan dimaklumkan oleh pihak bank selepas proses migrasi ke iBiz Muamalat yang baharu selesai.

17. Adakah terdapat sebarang caj tambahan untuk pembayaran yang dibuat melalui iBiz Muamalat yang baharu?

Caj pembayaran akan kekal sama kecuali terdapat sebarang kemas kini atau perubahan yang diumumkan oleh pihak bank.

18. Adakah pembayaran berjadual atau berulang saya akan terjejas selepas migrasi?

Tidak, pembayaran berjadual atau berulang anda tidak akan terjejas selepas migrasi.

19. Adakah pembayaran FPX akan terjejas oleh migrasi?

Tidak. Perkhidmatan pembayaran FPX juga tersedia di iBiz Muamalat Baharu untuk semua pelanggan apabila telah bermigrasi ke iBiz Muamalat yang baharu.

20. Adakah saya masih boleh membuat pembayaran semasa tempoh migrasi?

Ya, anda masih boleh membuat pembayaran semasa tempoh migrasi dengan menggunakan iBiz Muamalat yang lama sementara menunggu proses migrasi selesai. Anda akan dimaklumkan sebaik sahaja migrasi selesai.

21. Adakah senarai penerima atau senarai pembayaran saya (beneficiary/payee list) akan dipindahkan secara automatik?

Ya, senarai penerima atau senarai pembayaran anda akan dipindahkan secara automatik ke iBiz Muamalat yang baharu.

22. Adakah terdapat sebarang perubahan pada pembayaran yuran transaksi dan langganan?

Ya, untuk butiran lanjut sila layari laman web korporat kami.

23. Adakah saya perlu membuat ID log masuk baharu atau boleh menggunakan ID dan kata laluan sedia ada?

Tidak. Anda akan menerima ID log masuk dan kata laluan baharu selepas berjaya menerima surat migrasi daripada pihak bank.

24. Bagaimanakah iBiz Muamalat baharu menyokong pertumbuhan atau operasi harian syarikat saya?

iBiz Muamalat baharu membantu syarikat anda berkembang dan menguruskan operasi harian dengan cekap dengan menawarkan pemantauan akaun masa nyata, keupayaan pembayaran pukal dan gaji, integrasi lancar dengan sistem perakaunan anda, keselamatan yang dipertingkatkan dengan pengesahan pelbagai faktor (multi-factor authentication), dan platform yang patuh Syariah sepenuhnya. Ia direka sebagai penyelesaian perbankan korporat sehenti untuk memudahkan pengurusan tunai dan meningkatkan kecekapan operasi.

25. Adakah FPX akan ditambah ke dalam iBiz Muamalat baharu pada masa hadapan?

Ya, perkhidmatan pembayaran FPX sudah pun tersedia di iBiz Muamalat baharu bermula 13 Jun 2026 dan seterusnya.

26. Bagaimanakah cara untuk mengaktifkan pembayaran FPX dalam iBiz Muamalat yang baharu?

Pembayaran FPX telah tersedia secara automatik untuk semua pelanggan New iBiz Muamalat. Tiada permohonan atau pengaktifan tambahan diperlukan.

27. Bolehkah saya melihat status transaksi lama daripada iBiz Muamalat lama di dalam iBiz Muamalat yang baharu?

Anda masih boleh melihat/menyemak sejarah transaksi terdahulu daripada iBiz Muamalat yang lama selepas migrasi, dan data transaksi tersebut juga akan dipindahkan ke iBiz Muamalat yang baharu untuk rujukan anda.

28. Bagaimanakah cara mendapatkan panduan pengguna baharu bagi iBiz Muamalat yang baharu?

Panduan pengguna iBiz Muamalat yang baharu boleh dimuat turun melalui pautan berikut:

https://www.muamalat.com.my/downloads/consumerbanking/ibiz/New_iBiz_User_Guide.pdf

Or Video Tutorial melalui:

<https://www.muamalat.com.my/services/business/ibiz-muamalat/#tutorial>

29. Bolehkah saya meminta pihak bank memberikan latihan kepada pekerja saya mengenai iBiz Muamalat yang baharu?

Ya. Bank menyediakan latihan dalam talian secara berkumpulan kepada pelanggan. Untuk permohonan latihan, sila e-mel kepada: training.ibiz@muamalat.com.my. Sila sertakan maklumat syarikat dan senarai peserta untuk pendaftaran latihan.

30. Adakah saya perlu menyemak dan membuang ID pengguna lama sebelum migrasi dilakukan?

Ya. Sila semak akses pengguna semasa anda dan isi Borang Penyelenggaraan iBiz (iBiz Maintenance Form) yang boleh dimuat turun daripada pautan ini:



<https://www.muamalat.com.my/downloads/consumer-banking/ibiz/iBiz-Maintenance-Form.pdf>

31. Bagaimanakah cara untuk memasang Aplikasi Mudah Alih iBiz Muamalat ke dalam telefon bimbit saya?

Sila ikut garis panduan yang tersedia di laman web korporat kami: <https://www.muamalat.com.my/services/business/ibiz-muamalat/> untuk memasang Aplikasi Mudah Alih iBiz Muamalat ke dalam telefon bimbit anda.

32. Bagaimanakah saya mengetahui sama ada Aplikasi Mudah Alih iBiz Muamalat serasi dengan telefon bimbit saya?

Aplikasi Mudah Alih iBiz Muamalat memerlukan sistem operasi sekurang-kurangnya Apple iOS (versi 12.0 & ke atas) dan Android (versi 5.0 & ke atas).

33. Bolehkah saya memuat turun semua penyata bank dan maklumat transaksi dalam format PDF sebelum proses migrasi?

Ya. Anda boleh memuat turun penyata bank dan maklumat transaksi sedia ada serta menyimpannya dalam peranti anda. Bank akan menyediakan tempoh tiga (3) bulan untuk mengakses iBiz Muamalat lama bagi tujuan memuat turun sejarah transaksi sebelum aplikasi tersebut dihentikan.

34. Adakah saya masih boleh membuat pembayaran kepada pembekal luar negara menggunakan perkhidmatan Foreign Telegraphic Transfer?

Ya. Anda masih boleh membuat pembayaran kepada pembekal luar negara melalui perkhidmatan Cross Border Fund Transfer di iBiz Muamalat yang baharu.

35. Bolehkah Sdn Bhd/Syarikat Berhad/SME/Badan Profesional atau Entiti Kerajaan memohon Corporate Credit Card apabila melakukan migrasi ke iBiz Muamalat baharu?

Ya. Sila layari laman web Korporat Bank Muamalat melalui pautan berikut untuk maklumat lanjut dan permohonan:
<https://www.muamalat.com.my/card/business/business-credit-card-i/overview-business-credit-card>